



**JABATAN PENDIDIKAN
NEGERI MELAKA**

MODUL PUNCAK SEJARAH STPM

**SEJARAH ISLAM
(500 - 1918)**

PENGGAL 2

*Panel Modul Sejarah
Negeri Melaka 2015*



**AHLI PANEL MODUL SEJARAH STPM PENGGAL 2
NEGERI MELAKA**

- | | | |
|-----|-------------------------------------|---|
| 1. | Encik Abdul Latif bin Hj. Abd Karim | Ketua Unit Sains Sosial JPN Melaka
<i>Penyelaras Penyediaan Modul Sejarah
STPM Penggal 2</i> |
| 2. | Encik Mohd. Yusri bin Seman | SMK Munshi Abdullah
<i>Jurulatih Utama Negeri</i> |
| 3. | En. Jumali bin Rasikun | SMK Seri Tanjong
<i>Setiausaha Penyediaan Modul Sejarah
STPM Penggal 2</i> |
| 4. | Encik Jaafar bin Sahat | SMK Tun Tuah |
| 5. | Encik Saufi bin Mat Kahar | SMK Tinggi Melaka |
| 6. | Puan Khatijah binti Arwan | SMK Munshi Abdullah |
| 7. | Encik Saufi bin Mohd Kahar | SMK Tinggi Melaka |
| 8. | Puan Marsyitah binti Abdul Rahim | SMK Sultan Alauddin |
| 9. | Puan Nor Azah binti Md. Isa | SMK Sultan Alauddin |
| 10. | Puan Dayang Khursiah binti M. Hasan | SMK Datuk Abdul Rahman Yaakub |
| 11. | Puan Rodziah binti Asmuni | SMK Datuk Abdul Rahman Yaakub |
| 12. | Puan Khadijah binti Baharudin | SMK Iskandar Shah |
| 13. | Puan Aidah binti Md. Said | SMK Seri Mahkota |
| 14. | Puan Zabedah binti Aman | SMK Datuk Bendahara |
| 15. | Puan Rohaya binti Ismail | SMKA Sultan Muhammad |



TIPS MENULIS JAWAPAN ESEI SEJARAH STPM

Menulis Pendahuluan :

- Pendahuluan hendaklah ditulis dalam satu perenggan.
- Isipendahuluan hendaklah berkisar kepada mana-mana atau gabungan perkara-perkara berikut dan disesuaikan mengikut :
 - i. **Kehendak Soalan :**
 - a. Zaman atau keadaan yang berlaku sebelum isi-isi/fakta yang bakal dipersembahkan / yang ditanya.
 - b. Lokasi sesuatu tamadun / tempat .
 - c. Definisi perkataan khusus dalam soalan seperti Hijrah, Jihad dan Jahiliah.
 - d. Latar belakang tokoh (jika soalan berkaitannya) meliputi kelahirannya, salasilah keturunannya, perwatakannya, penglibatannya dalam perkara yang ditanya dalam soalan dan lain-lain.
 - e. Latar belakang peristiwa, tempat dan lain-lain.
 - f. Latar belakang perkara yang akan dibandingkan (jika soalan berkaitan)
 - g. Menyatakan objektif, kesan atau perkembangan sesuatu peristiwa.
 - ii. **Elakkan Dari :**
 - a. Menulis sesuatu konsep yang dikehendaki soalan dalam perenggan pendahuluan.
 - b. Mengulangi kenyataan soalan.



Menulis Isi Jawapan :

1. Bagi Soalan Konsep :

- a. Pastikan persoalan konsep sesuatu perkataan yang ditanya ditulis dalam perenggan yang berasingan dari perenggan pendahuluan kerana persoalan konsep memerlukan huraian tersendiri.
- b. Pernyataan konsep lazimnya mengandungi :
 - i. Makna / definisi dari segi bahasa (asal perkataan dan ertinya)
 - ii. Makna / definisi dari segi istilah
 - iii. Ciri-ciri untuk menyokong makna

• Contoh soalan :

Bincangkan konsep ekonomi Islam di Madinah semasa pemerintahan Nabi Muhammad SAW (STPM 2014).

- Selain memberi definisi, konsep ekonomi Islam merangkumi ciri-ciri berikut : keadilan dan saksama, manusia sebagai pemegang amanah, falsafah ekonomi, kebajikan, kawalan pemerintah, berpegang pada prinsip halal, ikhtilaf, konsep ibadah dan sebagainya.
- Pastikan jawapan yang ditulis berkisar kepada kata kunci atau perkara sebenar yang dikehendaki oleh soalan. Ini memastikan jawapan calon tidak terpesong.

2. **Isi-isi** (fakta) hendaklah diiringi oleh huraian dan contoh-contoh yang sesuai (jika perlu). Sebaik-baiknya satu isi ditulis dalam satu perenggan dan isi-isi tersebut ditulis dalam ayat pertama perenggan tersebut.
3. Kemukakan jumlah isi yang mencukupinya.
4. Jika dalam sesuatu soalan menghendaki calon menjawab dua aspek berlainan (perkara A dan perkara B), pastikan jawapan keduanya adalah seimbang.

Contoh soalan : Analisis faktor politik dan pengaruh luar yang menyebabkan kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniyyah pada awal abad ke- 20M.

5. Jika soalan yang dikemukakan berbentuk **kata kerja**, pastikan jawapan juga berbentuk kata kerja (markah aspek komunikasi).

Contoh Soalan :

Jelaskan peranan golongan Ansar dalam perkembangan Islam pada zaman Nabi Muhammad SAW (STPM 2011)

Contoh jawapan : Menyebarkan Dakwah, Menganggotai Pasukan Tentera dan lain-lain .



6. Pastikan skop jawapan adalah tepat, tidak terkeluar dari **zaman atau wilayah** dalam sesebuah tamadun.
Contoh soalan : Huraikan faktor yang mempengaruhi perkembangan perdagangan di **Alam Melayu** sebelum **abad ke-15 Masihi** (STPM 2009).
7. Pastikan skop jawapan adalah tepat, tidak terkeluar dari **zaman atau peristiwa** dalam sesebuah kerajaan
Contoh Soalan : Bincangkan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW **SELEPAS** baginda berjaya menubuhkan **negara Islam di Madinah** (STPM 2013).
8. Pastikan skop jawapan adalah tepat, tidak terkeluar dari **zaman atau golongan** dalam sesebuah kerajaan
Contoh Soalan : Bincangkan kemunculan **golongan baharu** dalam masyarakat Islam pada **zaman Khulafa ar-Rasyidin** (STPM (U) 2013).
9. Pastikan skop jawapan adalah tepat, **tidak terkeluar dari perkara atau isu** yang ditanya.
Contoh soalan : Analisiskan pembaharuan **dari aspek politik** yang dilaksanakan oleh Umar Abdul Aziz setelah dilantik sebagai khalifah kerajaan Bani Umayyah. (STPM 2014)
10. Soalan berkaitan **perubahan atau perkembangan**, jawapan hendaklah berdasarkan urutan (kronologi) yang tepat.
Contoh Soalan : Huraikan perkembangan institusi pendidikan formal dalam tamadun Melayu selepas kedatangan Islam (STPM 2011)

Menulis Kesimpulan :

1. Kesimpulan : merupakan kefahaman calon berkenaan terhadap soalan atau tajuk yang dijawab.
2. Ditulis dalam satu perenggan sahaja.
3. Merupakan ulasan keseluruhan isi.
4. Calon boleh memberi pandangan dengan berdasarkan fakta-fakta atau isi-isi.
5. Isi-isi penutup berkisar kepada keadaan yang wujud selepas keadaan isi jawapan yang dipersembahkan.
6. Elakkan daripada mengulangi kenyataan soalan atau mengulangi isi. Markah tidak akan diberi jika pengulangan isi dilakukan sebagai penutup.



KELEMAHAN-KELEMAHAN UTAMA JAWAPAN CALON

1. Kelemahan Utama :

- a. Penguasaan fakta.
- b. Penguasaan teknik menjawab terutama dalam mengemukakan hujah dan pemikiran (penguasaan membuat penakkulan dan komunikasi).

2. Kelemahan dan Kesilapan Calon STPM

1. Tidak kena atau tepat dalam memilih soalan. Memilih soalan yang susah atau sukar difahami, tidak jelas pertanyaan dan tidak memahami maksud soalan.
2. Pendahuluan yang tidak menentu dan panjang berjela-jela. Pendahuluan tidak sesuai dengan kehendak soalan dan pokok persoalan.
3. Isi-isi atau fakta-fakta yang dikemukakan tidak lengkap dan tidak menentu atau fakta-fakta atau isi-isi yang dikemukakan terkeluar dari kehendak soalan. Ini kerana calon tidak menyediakan rangka jawapan terlebih dahulu.
4. Keluar dari tajuk. Calon-calun tidak memahami kehendak soalan yang sebenarnya.
5. Tiada penekanan kepada peristiwa-peristiwa sejarah yang berhubung kait dengan tajuk.
6. Tulisan yang tidak dapat dibaca oleh pemeriksa seperti menggunakan ejaan ringkas yang tidak jelas, kotor dan lain-lain.
7. Tidak membahagikan masa dengan baik. Contohnya menjawab satu soalan dalam masa melebihi 30 minit menyebabkan calon tidak mempunyai masa yang tidak sepatutnya untuk menjawab soalan berikutnya.
8. Calon-calun tidak mematuhi arahan soalan. Umpamanya, tidak menjawab semua soalan yang dikehendaki mengikut arahan soalan.
9. Calon terlalu bergantung kepada soalan ramalan hingga jawapan yang diberi berlainan daripada apa yang dikehendaki soalan.
10. Tiada kesimpulan pada akhir jawapan.



3. Kelemahan Jawapan Calon

i. Pendahuluan :

- a. Tiada : jawapan terus kepada isi.
- b. Ada pendahuluan tetapi :
 - Terlalu ringkas atau terlalu umum
 - Tidak menjurus kepada kehendak soalan/ tiada kaitan dengan soalan.
 - Pendahuluan merupakan pengulangan kenyataan soalan.
 - Pendahuluan tidak menepati kehendak soalan atau skop soalan .

ii. Isi-isi jawapan :

- Gagal merancang jawapan kerana tiada pengetahuan/fakta yang cukup untuk dikemukakan menyebabkan jawapan terlalu ringkas, umum dan tiada contoh yang sesuai.
- Tidak memahami istilah atau tidak memahami kehendak sebenar soalan. Contohnya, soalan mengenai etika peperangan tetapi calon mengemukakan fakta berkaitan strategi peperangan. Ini menyebabkan jawapan calon terpesong dari kehendak soalan.
- Gagal mengenal pasti susunan zaman atau tamadun atau peristiwa dengan tepat .
- Hujahan dan takkulan longgar (kurang daripada yang diminta atau disyaratkan).
- Huraian yang cetek dan tiada contoh.
- Tiada pengkategorian isi menyebabkan isi terlompat-lompat dan menunjukkan calon tidak merancang jawapan mereka.
- Sistem pemerenggan yang lemah atau tiada komunikasi.
- Tidak menjawab tiga soalan seperti yang diminta.
- Tidak menyatakan konsep yang dikehendaki.
- Mutu bahasa yang lemah dan terlalu banyak kesalahan.
- Terkeluar dari 'frame-time' yang dikehendaki soalan.
- Perbandingan tidak sepadan.
- Kesalahan fakta seperti menganggap Melaka sebagai Alam Melayu atau sebaliknya.
- Fakta yang terpesong atau tiada kaitan.
- Tidak memberikan contoh yang sesuai.

iii. Kesimpulan :

- a. Kesimpulan merupakan pengulangan isi.
- b. Kesimpulan tiada kaitan.



TEMA 1 :

MASYARAKAT, PEMERINTAHAN, PERTAHANAN DAN PERHUBUNGAN LUAR

Tajuk-Tajuk Fokus :

1. Bincangkan aspek kepimpinan Nabi Muhammad S.A.W dalam bidang ketenteraan semasa baginda mengetuai pemerintahan Negara Islam di Madinah.
2. Nabi Muhammad S.A.W bukan sahaja seorang Nabi dan Rasul tetapi juga seorang negarawan.” Bincangkan pernyataan ini.
3. Sejauh manakah Piagam Madinah berjaya menyatukan penduduk Madinah pada zaman Nabi Muhammad S.A.W.
4. Bincangkan konsep Jihad dan jenis-jenis Jihad menurut Islam.
5. Bincangkan kepentingan perjanjian yang telah ditandatangani pada zaman Kerajaan Abbasiyah pada abad ke 9 hingga 13 masihi.
6. Bincangkan kepentingan perjanjian yang telah ditandatangani pada zaman Kerajaan Uthmaniyah pada abad ke 17 hingga 19 masihi.



TEMA 1 :

**MASYARAKAT, PEMERINTAHAN, PERTAHANAN
DAN PERHUBUNGAN LUAR**

Soalan 1 :

Bincangkan aspek **kepimpinan Nabi Muhammad S.A.W dalam bidang ketenteraan** semasa baginda mengetuai pemerintahan Negara Islam di Madinah.

Jawapan:

	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kepimpinan Nabi Muhammad S.A.W merupakan contoh utama kepada kepimpinan tentera Islam. 2. Ahli-ahli sejarah telah membahagikan peperangan yang berlaku pada zaman Nabi Muhammad SAW kepada dua iaitu Ghazwah dan Sariyyah. Ghazwah ialah peperangan yang disertai oleh nabi manakala Sariyyah pula ialah peperangan yang tidak disertai oleh nabi. 3. Terdapat 28 Ghazwah dan 47 Sariyyah sepanjang Nabi Muhammad SAW mengetuai Negara Islam Madinah. 	PENDAHULUAN
Isi 1	Baginda menunjukkan contoh kepimpinan terpuji	FAKTA
	Baginda memimpin sendiri peperangan yang penting. Baginda berjuang kerana Allah SWT dan tidak takut berhadapan dengan tentera musuh yang lebih ramai.	HURAIAN
	Contohnya, dalam Perang Badar tentera Islam 310 orang sahaja berjaya mengalahkan tentera musuh yang berjumlah 1000 orang.	CONTOH
	Tegasnya, baginda berjaya memimpin satu organisasi ketenteraan yang mantap.	PENEGASAN ISI
Isi 2	Seterusnya, baginda mengamalkan etika peperangan yang berperikemanusiaan	FAKTA
	Tentera Islam berperang berpandukan syariat yang ditetapkan. Antaranya, tidak memerangi golongan yang lemah, orang tua, wanita dan kanak-kanak, orang yang tidak bersenjata, tidak memusnahkan harta benda seperti bangunan dan tanaman. Rasulullah juga meneruskan tradisi tidak berperang pada musim haji	HURAIAN
	Contohnya, dalam Perang Taif tentera Islam membiarkan musuh lari meninggalkan medan perang	CONTOH
	Tegasnya, tentera Islam dapat mengamalkan nilai-nilai baik semasa berperang dengan musuh Islam.	PENEGASAN ISI



Isi 3	Selain itu, baginda mengamalkan prinsip musyawwarah dalam menentukan sesuatu perkara	FAKTA
	Nabi Muhammad s.a.w akan berbincang dengan para sahabat dalam memutuskan strategi terbaik menghadapi tentera musuh.	HURAIAN
	Dalam peperangan Khandak, baginda menerima cadangan Salman al-Farisi untuk menggali parit disekeliling Kota Madinah	CONTOH
	Tegasnya, segala arahan dan strategi dapat difahami dan dilaksanakan secara berkesan dalam setiap peperangan.	PENEGASAN ISI
Isi 4	Disamping itu, baginda bijak merancang taktik dan strategi.	FAKTA
	Kebijaksanaan Nabi Muhammad s.a.w merancang taktik dan strategi dalam menghadapi tentera musuh menyebabkan kebanyakan peperangan dimenangi oleh tentera Islam.	HURAIAN
	Dalam Perang Badar, tentera Islam menggunakan taktik menunggu musuh menyerang terlebih dahulu dan menguasai sumber air sehingga tentera musyrik tidak mempunyai kekuatan kerana terlalu dahaga	CONTOH
	Tegasnya, perancangan taktik yang bijak dan strategi yang mantap dalam setiap peperangan dapat menjamin kemenangan tentera Islam.	PENUTUP ISI
Isi 5	Akhirnya, baginda menanam konsep jihad dalam kalangan tentera Islam.	FAKTA
	Konsep Jihad digunakan untuk mempertahankan agama Islam, maruah diri dan negara sekaligus membawa kepada perkembangan pesat agama Islam. Semangat ini menjadi daya pendorong dan iltizam kepada tentera Islam dalam menghadapi musuh. Semangat ini menuntut supaya tentera Islam melawan musuh yang bilangannya lebih besar tanpa rasa takut dan gentar. Melalui konsep jihad ini, anasir yang mengancam keselamatan negara dapat dihindarkan.	HURAIAN
	Contohnya, golongan Yahudi yang mencabuli Perlembagaan Madinah telah diusir keluar dari Madinah	CONTOH
	Tegasnya, konsep Jihad ini dapat mendorong semangat tentera Islam supaya lebih beriltizam dan semangat tinggi dalam menentang musuh	PENUTUP ISI
Kehebatan Nabi Muhammad s.a.w yang ditonjolkan di medan perang berjaya mengalahkan tentera musuh dan mencapai kemenangan yang besar. Seterusnya menjadi asas kepada kejayaan tentera Islam dalam mengalahkan Rom dan Parsi pada zaman berikutnya.		KESIMPULAN



Soalan 2 :

Nabi Muhammad S.A.W bukan sahaja seorang Nabi dan Rasul tetapi juga seorang negarawan.” Bincangkan pernyataan ini.

Jawapan :

<p>Latar belakang Nabi Muhammad S.A.W</p> <ul style="list-style-type: none">• Dilahirkan di kota Makkah pada hari Isnin 12 Rabiulawal tahun Gajah . Daripada keturunan Bani Hasyim; dari puak Quraisy. Baginda disusui oleh Halimatun Saadiah.Ketika berusia 6 tahun bondanya Siti Aminah meninggal dunia di al-Abwa'.Ayahandanya meninggal dunia ketika baginda masih dalam kandungan ibunya. Baginda diserahkan kepada datuknya Abdul Mutalib. Kemudian baginda dipelihara oleh bapa saudaranya Abu Talib. Baginda pernah menjadi pengembala kambing. Mulai usia 12 tahun baginda sering mengikuti rombongan perdagangan Makkah ke Syam.• Baginda kegelar al-Amin kerana kejujurannya. Ketika berusia 25 tahun, baginda berkahwin dengan Siti Khadijah binti Khuwailid yang berusia 40 tahun. Setiap tahun baginda akan mengasingkan diri di Gua Hira' selama sebulan .Baginda menerima wahyu pertama; Surah al-Alaq melalui malaikat Jibril pada 17 Ramadhan 610M di Gua Hira'. <p>2. Definisi Nabi Seorang lelaki mukalaf (baligh dan berakal) yang menerima wahyu Allah s.w.t. melalui malaikat Jibril untuk kegunaan dirinya sahaja.</p> <p>3. Definisi Rasul Seorang lelaki mukalaf (baligh dan berakal) yang menerima wahyu Allah s.w.t. melalui malaikat Jibril dan ia diperintahkan untuk menyampaikannya kepada orang lain baik orang yang tidak ia kenal maupun yang memusuhinya</p> <p>4. Definisi Negarawan Seorang ketua, ahli politik, pentadbir, membuat pembaharuan, pembangunan dan memakmurkan rakyat</p>	<p>PENDAHULUAN</p>
--	--------------------



Isi 1	Muhammad seorang Nabi dan Rasul	FAKTA
	<p>Baginda diakui sebagai Nabi dan Rasul melalui 3 cara iaitu :</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Menerusi kitab-kitab suci iaitu al-Quran, Taurat, Injil & Zabur ii. Melalui sifat-sifat kenabian seperti menerima wahyu, memiliki sifat- sifat mulia seperti sidqiq, amanah, tabligh dan fatanah. Tanda-tanda kenabian sewaktu Nabi Muhammad s.a.w masih kanak-kanak lagi sewaktu dada Baginda dibedah oleh Malaikat Jibril untuk dibersihkan sewaktu Baginda menemui Bahirah (seorang paderi) di Syam. iii. Melalui bukti-bukti sejarah <p>Selama 13 tahun di Makkah iaitu sejak turunnya wahyu pada 610M hingga berlakunya hijrah ke Madinah pada tahun 622M. Ada yang menyokong dan ada yang menentang (kaum musyrikin Quraisy) Baginda berakhlak mengikut ajaran yang diajar dalam al-Quran. Baginda menjalankan aktiviti dakwah dengan penuh dedikasi, tidak pernah cuba menunjukkan kuasa-kuasa luar biasa walaupun dianugerahkan pelbagai mukjizat oleh Allah s.w.t.</p>	HURAIAN
	<p>Sebagai pendakwah, Nabi menunjukkan sifat-sifat sabar, lemah lembut, toleransi tetapi tegas dan berpegang teguh kepada ajaran yang dibawanya terutama tentang aspek akidah.</p>	CONTOH
	<p>Al-Quran sebagai bukti kerasulan merupakan mukjizat terbesar yang pernah dianugerahkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w.</p>	PENEGASAN ISI
Isi 2	Seterusnya, Nabi Muhammad S.A.W sebagai pemimpin masyarakat	FAKTA
	<ul style="list-style-type: none"> • Berjaya menyatukan semula masyarakat Madinah yang berbilang agama dan keturunan. • Menyatukan masyarakat Islam melalui persaudaraan antara kaum Muhajirin dan Ansar. Berjaya mengekalkan perpaduan masyarakat Madinah (Ansar, Muhajirin dan Yahudi) seperti yang terkandung dalam Piagam Madinah. • Baginda menyeru supaya mereka bekerjasama dan bantu membantu serta sama-sama memikul tanggungjawab mempertahankan kota Madinah. 	HURAIAN
	<p>Berjaya mengekalkan perpaduan masyarakat Madinah (Ansar, Muhajirin dan Yahudi)</p>	CONTOH
	<p>baginda berjaya menghapuskan batas-batas perbezaan kaum melalui konsep ummah</p>	PENEGASAN ISI



Isi 3	Selain itu, Nabi Muhammad S.A.W sebagai pemimpin politik	FAKTA
	<ul style="list-style-type: none"> • Baginda mendirikan negara Islam Madinah. Nabi Muhammad s.a.w menjadi ketua negara Islam Madinah.. 	HURAIAN
	Berjaya mengadakan rundingan dengan pemimpin-pemimpin Yathrib melalui Perjanjian Aqabah. Baginda memperkenalkan system syura / musyawarah untuk dilaksanakan dalam semua bidang politik dan ekonomi.	CONTOH
	Baginda boleh dianggap sebagai diplomat yang berjaya kerana inisiatifnya menghantar perwakilan ke luar negara seperti Habsyah dan Mesir.	PENEGASAN ISI
Isi 4	Seterusnya, Nabi Muhammad S.A.W sebagai perancang ekonomi	FAKTA
	Baginda memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru bagi menggantikan dasar ekonomi Zaman Jahiliyah. Baginda berusaha membangunkan ekonomi orang Islam yang tergedai kepada kaum Yahudi.	HURAIAN
	Baginda menggalakkan orang Islam bekerja keras dan bergiat dalam bidang perniagaan dan pertanian.	CONTOH
	Usaha-usaha mencari kekayaan dan kesenangan dunia diharuskan asalkan tidak melibatkan riba, penipuan serta menunaikan zakat.	PENUTUP ISI
Isi 5	Akhirnya, Nabi Muhammad S.A.W sebagai pemimpin tentera	FAKTA
	Baginda menunjukkan mutu kepimpinan yang tinggi dalam bidang ketenteraan. Baginda menjadi pemimpin dalam ekspedisi ketenteraan yang disertainya. Dalam bidang ketenteraan, asas kepimpinan Baginda ialah akidah, syariat dan akhlak yang mulia. Baginda bertindak mengikut peraturan yang telah disyariatkan oleh Allah swt. Baginda mengamalkan sikap amanah dan tidak mudah lemah semangat dalam menghadapi musuh.	HURAIAN
	<ul style="list-style-type: none"> • Baginda sentiasa bersikap adil kepada semua orang tidak kira kawan atau musuh. Contoh Baginda membahagikan harta rampasan perang secara adil kepada kawan2 yang menyertai peperangan dan tidak melakukan pencerobohan terhadap musuh yang sudah lari dari medan perang atau kaum2 yang lemah. • Baginda berjaya merangka taktik dan strategi ketenteraan yang membawa kejayaan kepada pasukan tentera Islam Contoh; dalam Perang Badar (taktik tunggu dan lihat) dan Perang Khandak (taktik bertahan dengan menggali parit di sekeliling kota Madinah) 	CONTOH
	Baginda merupakan seorang panglima tentera dan ahli strategi dalam ketenteraan.	PENUTUP ISI



<ul style="list-style-type: none">• Nabi Muhammad s.a.w bukan sahaja seorang Nabi dan Rasul yang disegani tetapi merupakan seorang pemimpin yang berjaya dalam pelbagai bidang.• Baginda berjaya membina tamadun Islam dan diwarisi oleh khalifah-khalifah selepasnya. (zaman Khulafa al-Rasyidin).• Ciri-ciri kepimpinan Nabi Muhammad s.a.w telah dicontohi dan diikuti oleh para sahabat yang menjadi khalifah pada zaman Khulafa al-Rasyidin.	<p>KESIMPULAN</p>
---	-------------------



Soalan3 :

Sejauh manakah Piagam Madinah berjaya menyatukan penduduk Madinah pada zaman Nabi Muhammad S.A.W.

Jawapan :

	<ol style="list-style-type: none"> 1. Piagam Madinah merupakan perlembagaan bertulis pertama yang digubal pada tahun pertama dan kedua Hijrah. 2. Piagam yang mengandungi 47 fasal ini menyentuh hubungan dan tanggungjawab umat Islam dan kaum Yahudi serta merangkumi pelbagai aspek seperti kewajipan, tanggungjawab pemerintah serta menyentuh pelbagai keperluan masyarakat. 3. Perlembagaan Madinah sememangnya menjadi alat untuk menyelesaikan masalah berhubung isu perpaduan masyarakat Madinah. 	PENDAHULUAN
Isi 1	<p>Semua kaum bertanggungjawab mempertahankan keamanan Madinah.</p>	FAKTA
	<p>Perlembagaan menetapkan bahawa masyarakat dalam satu negara bertanggungjawab mempertahankan keamanan dan melindungi Madinah dari serangan luar. Hal ini bermakna seluruh penduduk Madinah sama ada Islam ataupun tidak adalah bersama-sama bertanggungjawab ke atas keselamatan Madinah.</p>	HURAIAN
	<p>Sebagai contoh, sekiranya Madinah diserang oleh kaum Quraisy Mekah, maka tanggungjawab mempertahankan Madinah bukanlah terletak pada umat Islam sahaja tetapi kepada seluruh penduduk Madinah.</p>	CONTOH
	<p>Ketetapan ini sesungguhnya membolehkan seluruh bangsa yang mendiami Madinah terpaksa bersama-sama dan bersatupadu bagi mempertahankan kota tersebut. Hal ini memupuk kesedaran bahawa kota Madinah adalah hak bersama yang perlu dipertahankan.</p>	PENEGASAN ISI
Isi 2	<p>Selain itu, Piagam Madinah turut menetapkan Nabi Muhammad SAW Sebagai Pemerintah Tertinggi Madinah.</p>	FAKTA
	<p>Piagam Madinah telah menetapkan peranan Nabi Muhammad SAW sebagai pemimpin yang bertanggungjawab menyelesaikan segala masalah Negara khususnya yang melibatkan perselisihan kaum. Ini mewujudkan institusi kehakiman dan keadilan di Madinah kerana belum ada lagi unsu kehakiman yang telus di Madinah.</p>	HURAIAN



	Sebagai contoh, sebelum ini segala perselisihan diselesaikan melalui dendam dan mata pedang dan keadilan dituntut dengan cara menuntut bela. Nabi Muhammad SAW bertindak sebagai orang tengah dan hakim sehingga banyak perselisihan dan konflik perkauman dapat diselesaikan dan permusuhan kaum dapat dihindari.	CONTOH
	Sememangnya, penyelesaian yang berjaya ditangani oleh Nabi Muhammad SAW dapat menjamin keamanan dan kesepaduan Negara Islam Madinah kerana mereka yang benar-benar bersalah tanpa mengira pihak mana akan menerima hukuman.	PENEGASAN ISI
Isi 3	Di samping itu, Piagam Madinah juga menekankan konsep musyawarah dalam pemerintahan negara.	FAKTA
	Piagam Madinah juga memberi peluang kepada semua kaum agar menyuarakan masalah masing-masing. Mereka boleh menyuarakan pandangan terhadap pemimpin.	HURAIAN
	Sebagai contoh, semua kaum diberi hak yang sama seperti yang terkandung dalam Fasal 2 hingga Fasal 11 yang menerangkan kedudukan kaum-kaum di Madinah. Kesannya, rakyat dan pemerintah dapat merapatkan hubungan sehingga membawa kepada keharmonian rakyat.	CONTOH
	Sesungguhnya, hubungan yang harmonis melalui apa yang digariskan dalam Piagam Madinah berjaya membawa pembentukan sebuah negara yang berlandaskan keadilan dalam pemerintahan.	PENEGASAN ISI
Isi 4	Seterusnya, Piagam Madinah turut berjaya membentuk dan mengukuhkan perpaduan umat Islam.	FAKTA
	Piagam Madinah menekankan kerjasama dan perpaduan antara umat Islam bagi mengelakkan perpecahan dan mewujudkan kerjasama antara umat Islam. Persaudaraan Islam mewujudkan masyarakat yang kukuh berlandaskan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.	HURAIAN
	Sebagai contoh, Piagam Madinah menekankan persaudaraan antara Ansar dan Muhajirin kerana mereka digalakkan tolong-menolong dan melindungi sesama umat Islam. Selain itu, ia juga menekankan perpaduan antara umat Islam dengan kaum-kaum lain yang wujud di Madinah seperti kaum Yahudi bagi melahirkan kerjasama dan mengelakkan perpecahan.	CONTOH
	Natijahnya, persaudaraan Islam yang diperkukuh melalui intipati dalam Piagam Madinah sememangnya dapat menghindari permusuhan dan membentuk ikatan perpaduan ummah yang kuat khususnya dalam kalangan umat Islam.	PENEGASAN ISI



Kesimpulannya, dasar yang digariskan dalam Piagam Madinah berjaya menjadi panduan membentuk masyarakat yang bersatupadu, sejahtera, adil dan bertanggungjawab. Penggubalan Piagam Madinah berjaya menonjolkan kemunculan sebuah negara Islam Madinah dan menjadi asas pembentukan mana-mana piagam negara Islam baru yang mempunyai pelbagai bangsa.

KESIMPULAN



Soalan 4 :

Bincangkan konsep Jihad dan jenis-jenis Jihad menurut Islam.

Jawapan :

	<p>1. Jihad menjadi kefardhuan dan perintah yang berkekalan sehingga ke hari kiamat. Sekiranya sesuatu kaum meninggalkan jihad, pasti akan ditimpa kehinaan oleh Allah SWT.</p> <p>2. Kemuncak jihad adalah memerangi musuh-musuh melalui peperangan dengan hati yang ikhlas kerana mengikut perintah Allah SWT.</p> <p>3. Oleh itu, jihad dapat dikategorikan kepada 5 jenis yang utama iaitu Jihad nyawa dan tenaga, Jihad harta, Jihad menentang syaitan, Jihad menuntut ilmu dan Jihad menentang kemungkaran dan mempertahankan kebenaran.</p>	PENDAHULUAN
Isi 1	Konsep Jihad dapat ditakrifkan mengikut kamus dewan dan 'bahasa'.	FAKTA
	Menurut kamus dewan, jihad ditakrifkan sebagai sesuatu peperangan yang sesuai melawan orang-orang kafir kerana mempertahankan agama Islam dan penentangan terhadap anasir-anasir yang berhasrat memusnahkan Negara Islam. Manakala dari segi bahasa, jihad bermaksud menggunakan segala usaha dengan bersungguh-sungguh untuk mendapatkan sesuatu.	HURAIAN
	Contohnya, tindakan Rasulullah SAW melawan musuh dalam perang Badar tahun 624M, perang Uhud 625M dan perang Khandak 627M.	CONTOH
	Kesannya, jihad amat bermakna kepada umat Islam dalam memastikan kesejahteraan kepada Islam khususnya.	PENEGASAN ISI
Isi 2	Pertama sekali merujuk kepada jihad nyawa dan tenaga.	FAKTA
	Hal ini kerana ia merujuk kepada pengorbanan jiwa di medan peperangan. Mereka yang terkorban diistilahkan sebagai 'syahid'.	HURAIAN
	Misalnya, Saidina Hamzah telah mati syahid dalam perang Uhud.	CONTOH
	Tegasnya, umat Islam sentiasa berusaha mengerahkan segala kemampuan memerangi golongan kafir.	PENEGASAN ISI
Isi 3	Sementara itu, jihad harta juga merupakan antara jenis jihad.	FAKTA
	Jelas menunjukkan pengorbanan harta termasuk dalam jihad 'fi Sabilillah'. Bagi golongan kaya, mereka boleh menyumbang harta bagi menyokong usaha jihad golongan yang berperang di medan peperangan.	HURAIAN
	Umpamanya, Saidina Abu Bakar al-Siddiq telah menyumbang seluruh hartanya demi menegakkan agama Islam.	CONTOH



	Implikasinya, umat Islam sentiasa mempunyai sifat tolong menolong antara satu sama lain.	PENUTUP ISI
Isi 4	Selain itu, Jihad menentang syaitan.	FAKTA
	Hal ini disebabkan, Jihad ini tergolong dalam kategori fardhu ain kerana setiap manusia yang beragama Islam mestilah sentiasa berjihad menentang hawa nafsu dan syaitan.	HURAIAN
	Buktinya, dalam al-Quran banyak menjelaskan berkaitan permusuhan syaitan dan manusia.	CONTOH
	Kesannya, umat Islam akan terhindar daripada kemaksiatan.	PENEGASAN ISI
Isi 5	Seterusnya, Jihad menuntut ilmu.	FAKTA
	Jelas menunjukkan umat Islam disyariatkan berjuang dalam bidang keilmuan bagi memastikan umat Islam tidak ketinggalan dalam setiap bidang yang perlu diceburi. Umat Islam digalakkan mempelajari ilmu yang bermanfaat sama ada fardhu ain iaitu fikah dan tauhid atau fardhu kifayah.	HURAIAN
	Contohnya, sains, perubatan dan kejuruteraan.	CONTOH
	Tegasnya, umat Islam tidak akan mudah diperlekehkan oleh golongan kafir.	PENEGASAN ISI
Isi 6	Akhirnya, Jihad menentang kemungkaran dan mempertahankan kebenaran.	FAKTA
	Hal ini merujuk kepada perjuangan menentang sebarang bentuk yang berlaku dalam kalangan umat Islam atau golongan kafir. Umat Islam digalakkan menentang kemungkaran dan kekafiran dalam sesuatu pemerintahan untuk memastikan kebajikan rakyat terpelihara.	HURAIAN
	Buktinya, terdapat dalil dalam al-Quran yang menggesa umat Islam melakukan kebaikan iaitu menerusi surah al-Baqarah ayat 112.	CONTOH
	Kesannya, pemimpin yang berwibawa, adil dan telus dapat dilahirkan.	PENEGASAN ISI
Jihad menunjukkan yang Islam merupakan agama yang inginkan kedamaian dan sekaligus mempunyai sistem pentadbiran ketenteraan yang kuat bagi mempertahankan maruah negara, agama dan umat Islam.		KESIMPULAN



Soalan 5 :

Bincangkan kepentingan perjanjian yang telah ditandatangani pada **zaman Kerajaan Abbasiyah** pada abad ke 9 hingga 13 masihi.

	<ol style="list-style-type: none"> 1. Konsep hubungan luar 2. Latar belakang Kerajaan Abbasiyah dengan dimulai dari dan Khalifah Al-Mahdi serta Khalifah Harun Al-Rasyid. 3. Menyenaraikan perjanjian-perjanjian dan kepentingan. 	PENDAHULUAN
Isi 1	<p>Kepentingan yang pertama ialah menjamin hubungan negara Islam dengan negara bukan Islam berada dalam keadaan baik.</p>	FAKTA
	<p>Pada tahun 780H, Khalifah Al Mahdi menjalinkan hubungan dengan Rom iaitu Rajanya Ratu Irene Leo IV meneruskan bayaran ufti sebanyak 90 ribu dirham setahun kepada Kerajaan Abbasiyah tetapi apabila Rom diperintah oleh Niceporus, Beliau telah membatalkan ufti tersebut. Ini menyebabkan putera Harun al Rasyid anak Khalifah Al-Mahdi mengetuai expdc memerangi golongan yang enggan membayar ufti dan menghantar tentera menyerang Byzantine. Khalifah al -Mahdi telah memimpin tentera menawan Heraclea, Tyans, Iconium, Emphesus dan Pulau Cyprus dan akhirnya Raja Niceporus bersedia menyambung semula perdamaian. Raja Nicephorus 1 telah setuju membayar ufti dan membenarkan penyebaran Islam di Byezentine</p>	HURAIAN
	<p>Perjanjian Damai Kerajaan Abbasiyah dan Byzentine</p>	CONTOH
	<p>Tegasnya, penyebaran dakwah ke bumi Byzentine berjalan dengan lancar dan diplomasi seperti mana yang telah dilaksanakan semasa zaman Nabi Muhammad SAW</p>	PENEGASAN ISI
Isi 2	<p>Seterusnya, meningkatkan hubungan diplomatik</p>	FAKTA
	<p>Hubungan Kerajaan Abbasiyah semasa zaman Khalifah Harun Al Rasyid dengan Eropah iaitu Raja Charlemenge dari Perancis. Kedua-dua Negara ini mengwujudkan perjanjian kerjasama menadangkan kedua-dua menghadapi musuh yang sama iaitu Kerajaan Umayyah di Andalus. Kedua-dua pihak bertukar bingkisan dan Khalifah telah menghadiahkan Raja Charlemerge sebuah jam. Raja Charlermerge pernah membantu Khalifah menghadapi Kerajaan Byzantine. Hubungan yang baik ini telah membolehkan Raja Charlemerge dari segi undang-undang dan politik mengikut cara khalifah Harun al-Rasyid</p>	HURAIAN
	<p>Perjanjian Kerajaan Abbasiyah dengan Perancis</p>	CONTOH



	Akhirnya, Hubungan yang terjalin di antara Kerajaan Abbasiyah dengan Perancis terus kukuh sehingga Kerajaan Turki Uthmaniyah.	PENEGASAN ISI
1. Zaman Kerajaan Abbasiyah menjalinkan hubungan yang baik dengan Negara Eropah seperti Perancis. 2. Kebijaksanaan diplomasi khalifah berjaya menjalinkan hubungan menerusi perjanjian dan perluasan wilayah.		KESIMPULAN



Soalan 6 :

Bincangkan kepentingan perjanjian yang telah ditandatangani pada zaman Kerajaan Uthmaniyah pada abad ke 17 hingga 19 masihi.

Jawapan :

	<ol style="list-style-type: none"> 1. Konsep hubungan luar 2. Latar belakang Kerajaan Umayyah. 3. Menyenaraikan perjanjian-perjanjian dan kepentingan 	PENDAHULUAN
Isi 1	Keputusan yang pertama ialah memastikan Kerajaan Uthmaniyah berada dalam keadaan aman	FAKTA
	Semasa pemerintahan Sultan Ahmad III telah menghadapi masalah dari luar dan dalam negeri . Beliau menghadapi serangan dari tentera Kristian di bawah pimpinan Tsar Peter yang sebelum ini berperang dengan tentera Uthmaniyah pada zaman Sultan Mustafa II.Kerajaan Uthmaniyah dikehendaki menyerahkan Hungary, Slovenia,Ukraine, Crosia kepada Habsburg dan sebahagian daerah Dalmatia kepada Venesia.	HURAIAN
	Perjanjian Carlowitz tahun 1699 Masihi	CONTOH
	Tegasnya, kerajaan Uthmaniyah sanggup berkorban untuk memastikan Negara berada dalam keadaan terkawal dan rakyat sejahtera.	PENUTUP ISI
Isi 2	Seterusnya, Uthmaniyah mementingkan keharmonian kenegaraan	FAKTA
	Perjanjian Catharina/Kaainarji berlaku antara kerajaan Uthmaniyah dengan Rusia. Ia ditandatangani antara Ratu Catherine II dan Sultan Abdul Hamid I. Dalam perjanjian ini Rusia mengembalikan daerah Wallacia dan Moldova kepada Uthmaniyah dan Uthmaniyah menanggung sebahagian besar perbelanjaan perang Rusia. Perjanjian ini mengakhiri Perang Rusia Turki pada tahun 1768 Masihi.	HURAIAN
	Perang Catharina 1774 Masihi	CONTOH
	Turki Uthmaniyah telah banyak kehilangan pengaruh di wilayah Eropah Tengah dan Timur yang akhirnya dikuasai oleh Rusia. Turki Uthmaniyah semakin kehilangan wilayah sedikit demi sedikit tetapi masih mampu bertahan dalam lingkungan kuasa-kuasa Eropah.	PENUTUP ISI



Isi 3	Selain itu, ia adalah bagi menjamin keselamatan laut Turki dan hubungan baik dengan British	FAKTA
	Perjanjian antara Turki Uthmaniyah dengan British. British berjanji meninggalkan semua wilayah kekuasaan Turki Uthmaniyah dan menghentikan pendudukan wilayah di Mesir. Turki Uthmaniyah berjanji akan mengakui hak hak consular British di Turki. British mahukan eset ekonominya dalam maritime terkawal dari ancaman Rusia dan tiada sebarang kapal perang melintasi Selat Bosforus dan Dardanela yang dikuasai oleh Turki.	HURAIAN
	Perjanjian Dardanela tahun 1809 masihi	CONTOH
	Hubungan Turki Uthmaniyah dengan British baik	PENUTUP ISI
Isi 4	Akhirnya ialah kemunculan Negara Merdeka	FAKTA
	Perjanjian antara Turki dengan Rusia. Perjanjian ini mengakhiri perang antara Rusia dengan Turki yang telah berlangsung sejak 1877. Tentera Rusia telah serang Turki melalui Bulgaria dan menawan Kota Adrianople. Akhirnya Mac 1878 Turki dan Rusia tanda tangani perjanjian ini dan beberapa wilayah telah bebas seperti Romania, Serbia dan Montenegro serta member kuasa autonomi kepada Bosnia dan Herzegovina.	HURAIAN
	Perjanjian San Stefeno pada tahun 1878 masihi	CONTOH
	Turki Uthmaniyah menjalinkan hubungan baik dengan negara Rusia dan munculnya beberapa Negara bebas merdeka.	PENUTUP ISI
	<ol style="list-style-type: none"> Perjanjian yang termaterai antara Turki dengan British dan Rusia memberi keseimbangan keselamatan kepada Turki. Walaupun sebahagian perjanjian lebih banyak menyebelahi Negara luar tetapi kelihatan Turki sebagai Negara yang mementingkan perdamaian. 	KESIMPULAN



TEMA 2 :

PEMBANGUNAN DAN PENEROKAAN

Tajuk-tajuk Fokus :

7. Nilai jasa dan sumbangan imam al-Ghazali dalam tamadun Islam
8. Perkembangan Baitulmal pada zaman khalifah ar-Rasyidin meningkatkan pendapatan negara. Bincangkan
9. Bincangkan ciri-ciri pendidikan pada zaman Bani Umayyah.



TEMA 2 :

PEMBANGUNAN DAN PENEROKAAN

Soalan 7 :

Nilaikan jasa dan sumbangan imam al-Ghazali dalam tamadun Islam

Jawapan :

<ul style="list-style-type: none"> • Nama sebenar al-Ghazali ialah Muhammad bin Muhammad bin at-Thusi. • Dilahirkan pada tahun 450 hijrah bersamaan 1058 masihi dan dikenali sebagai 'al-ghazali' bersempena dengan nama kampung kelahirannya Ghazala. • Al-Ghazali seorang yang bijaksana, kuat ingatan, berpegang teguh kepada syariat Islam, tekun belajar, dan bijak berhujah. Imam al-Ghazali adalah seorang ulama, ahli fikir dan ahli falsafah Islam yang terkemuka. • Pengetahuannya yang sangat mendalam dalam pelbagai bidang ilmu telah membolehkannya menghasilkan banyak karya bermutu tinggi yang masih menjadi rujukan hingga kini. • Oleh itu, jasa dan sumbangan beliau dapat dilihat dalam bidang falsafah, ilmu kalam dan Tasawuf. 	<p>PENDAHULUAN</p>	
<p>Isi 1</p>	<p>Sumbangan utama Imam al-Ghazali adalah bidang falsafah</p>	<p>FAKTA</p>
	<ul style="list-style-type: none"> • Jelas bahawa Imam al-Ghazali membahagikan golongan yang membahaskan ilmu falsafah kepada tiga golongan, iaitu atheis, natural dan teologi. • Golongan atheis adalah golongan yang mengingkari wujudnya pencipta yang mentadbir seluruh alam ini. • Golongan natural adalah golongan ilmuan yang banyak membuat kajian berkaitan dengan tabiat, kejadian dan anatomi manusia, tumbuhan serta haiwan. • Manakala golongan teologi merupakan ahli yang membincangkan soal ketuhanan bersumberkan akal iaitu Plato, Socrates dan Aristotle. • Imam al-Ghazali juga merupakan individu pertama yang mengklasifikasikan semula falsafah kepada enam bahagian. 	<p>HURAIAN</p>
	<ul style="list-style-type: none"> • Sebagai contoh, matematik, mantik, fizik, ketuhanan, siasah dan akhlak. 	<p>CONTOH</p>



	<ul style="list-style-type: none"> • Kesannya, beliau dapat menyelamatkan akidah umat Islam daripada terus direntap oleh fahaman falsafah Yunani yang tidak bertauhidkan agama yang suci iaitu agama Islam. 	PENEGASAN ISI
Isi 2	<ul style="list-style-type: none"> • Seterusnya, imam al-Ghazali memberikan sumbangan yang amat besar dalam ilmu kalam. 	FAKTA
	<ul style="list-style-type: none"> • Hal ini kerana beliau telah mengarang begitu banyak penulisan dalam ilmu kalam. • Beliau banyak mematahkan hujah-hujah daripada pihak lawan yang dilihat agak keterlaluan semasa membahaskan isu yang timbul dalam perbincangan ilmu kalam. 	HURAIAN
	<ul style="list-style-type: none"> • Contohnya, menerusi kitabnya <i>Ihya' Ulumuddin</i>, Imam al-Ghazali tidak meletakkan ilmu kalam sebagai satu ilmu yang bermanfaat kepada masyarakat. 	CONTOH
	<ul style="list-style-type: none"> • Akibatnya, perbincangan ahli ilmu kalam dilihat terlalu jauh sehingga menyimpang daripada apa yang dibincangkan oleh para ulama. 	PENEGASAN ISI
Isi 3	<ul style="list-style-type: none"> • Selain itu, bidang tasawuf juga amat bermakna dalam sumbangan beliau menerusi hujah-hujah yang bernas. 	FAKTA
	<ul style="list-style-type: none"> • Jelas menunjukkan beliau berusaha membersihkan ilmu tasawuf daripada perkara-perkara khurafat. • Apabila beliau mengetahui masyarakat melakukan kesalahan dalam bidang tasawuf, beliau melemparkan kritikan yang bertujuan memperbetulkan kesilapan dan menghalang penyelewengan berlaku sehingga mencemarkan kemurnian Islam. 	HURAIAN
	<ul style="list-style-type: none"> • Umpamanya, menerusi karya termahsyur beliau iaitu <i>Ihya' Ulumuddin</i> telah menjadi sumber rujukan para ulama di Alam Melayu. • Karya ini juga telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu, Parsi, Urdu, Inggeris dan Perancis. 	CONTOH
	<ul style="list-style-type: none"> • Oleh itu, Imam al-Ghazali telah memurnikan semula ilmu tasawuf daripada kesesatan dan bidaah. 	PENEGASAN ISI
	<ul style="list-style-type: none"> • Kesimpulannya, sumbangan dan jasa Imam al-Ghazali dalam ketiga-tiga bidang amat besar dalam usaha memperbetulkan tanggapan yang kurang tepat bagi setiap bidang ilmu. • Beliau juga telah menuntut ilmu daripada ramai guru iaitu Imam al-Abi Nash al-Isma'ili dan Imam al-Radzakani sehingga mampu untuk menulis pelbagai hasil karya. 	KESIMPULAN



Soalan 8 :

Perkembangan Baitulmal pada zaman khalifah ar-Rasyidin meningkatkan pendapatan negara. Bincangkan.

<ol style="list-style-type: none"> 1. Baitulmal institusi yang berperanan menyelenggara harta-harta negara. 2. Tujuan penubuhan baitulmal adalah untuk meningkatkan perkembangan ekonomi, membasmi kemiskinan dan menyediakan keperluan asas rakyat. 3. Sejarah penubuhan baitulmal dikatakan bermula sejak zaman Nabi Muhammad SAW tetapi pada masa itu, sumber hasil negara tidak banyak iaitu hanya diperoleh melalui zakat dan harta yang diperoleh melalui peperangan seperti <i>jizyah</i>, <i>ghanimah</i> dan <i>fai</i>. Nabi Muhammad SAW segera mengagihkannya kepada sesiapa yang layak menerimanya tanpa ada lebihan. Justeru, peranan baitulmal ketika itu tidak begitu menonjol. 4. Sumber baitulmal pada zaman Khulafa al-Rasyidin boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu harta masyarakat, harta negara dan harta umum. 	<p>PENDAHULUAN</p>	
<p>Isi 1</p>	<p>Perkembangan Baitulmal zaman khalifah Abu Bakar al-Siddiq</p>	<p>FAKTA</p>
<p>Isi 1</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Wujud baitulmal secara tidak rasmi. Buktinya bahawa Umar mencadangkan agar khalifah Abu Bakar berjumpa Abu Ubaidah, pemegang kunci baitulmal untuk mendapatkan wang bagi keperluan keluarganya. • Pelaksanaan baitulmal pada zaman khalifah Abu Bakar dapat dilihat apabila beliau menyerahkan sebidang tanah Nabi Muhammad SAW iaitu tanah <i>Fadak</i> dan <i>Khaibar</i> kepada baitulmal kerana Nabi Muhammad SAW tidak memindah milik tanah berkenaan kepada Fatimah, puteri baginda. • Kutipan <i>jizyah</i> dan zakat diperolehi dari ekspedisi ketenteraan pimpinan Khalid al-Walid ke atas sempayar Parsi 	<p>HURAIAN</p>
<p>Isi 1</p>	<p>Ketika Khalifah Abu Bakar al-Siddiq hampir meninggal dunia, beliau berpesan kepada penggantinya Umar al-Khattab supaya mengambil hartanya sebanyak 8,000 dirham untuk dikembalikan kepada baitulmal.</p>	<p>CONTOH</p>
<p>Isi 1</p>	<p>Pelaksanaan fungsi baitulmal ketika itu agak terhaddat dan tidak menyeluruh memandangkan sumbernya yang terbatasekorang kerana peluasan wilayah Islam agak perlahan namun mampu meningkatkan ekonomi Negara.</p>	<p>PENEGASAN ISI</p>
<p>Isi 2</p>	<p>Seterusnya, perkembangan institusi baitulmal zaman khalifah Umar bin al-Khattab.</p>	<p>FAKTA</p>



	<ul style="list-style-type: none"> • Institusi baitulmal yang dahulunya dikenali sebagai Diwan atau Khazanah ditubuhkan secara rasmi pada zaman Umar al-Khattab kerana berlaku pembukaan wilayah Islam ekoran kejayaan dalam ekspedisi ketenteraan. Sumberbaitulmal yang banyak seperti zakat, al-fai, jizyah, kharaj, usyur dan ghanimah tidak dapat diagih dengan serta-merta. • <i>Diwan</i> berfungsi sebagai jabatan perbendaharaan yang akan mengawal urusan pentadbiran harta. • Umar al-Khattab telah melakukan pembaharuan dalam pentadbiran kharaj di mana para tentera tidak dibenarkan memiliki tanah dan rumah sebagai ghanimah sebaliknya membiarkan tanah-tanah di wilayah yang ditakluki diusahakan oleh pemilikasalnya. Sebagai ganti, tentera Islam mendapat elaun atau gaji daripada dana baitulmal. 	HURAIAN
	<p>Contohnya, Kharaj (cukai ke atas tanah yang ditakluki terutama di Iraq) dan Jizyah banyak diperolehi dari Iraq, Syam, Mesir dan sebagainya.</p>	CONTOH
	<p>PengurusanBaitulmalzamanUmar al-Khattabdilaksanakansecarasistematikdanmampumemakmurkan negara Islam Madinah</p>	PENEGASAN ISI
Isi 3	<p>Seterusnya, perkembangan institusi BaitulmalzamanKhalifahUthmanAffan</p>	FAKTA
	<ul style="list-style-type: none"> • Pada zaman Uthman bin Affan, timbul kontroversi mengenai pelaksanaan baitulmal. • Kemerostan ekonomi umat Islam pada zamannya akibat aktiviti peluasan kuasa dan pembukaan wilayah agak perlahan. • Uthman tidak mengagihkan harta rampasan perang kerana harta <i>ghanimah</i> tersebut diperuntukan untuk keperluan negara yang lebih mendesak. • Uthman mengerahkan rakyatnya membayar lebih cukai daripada biasa bagi membiayai usaha menyekat serangan musuh ke atas wilayah Islam seperti Mesir yang sedang menghadapi ancaman tentera laut Byzantine. • Uthman al-Affan sememangnya terkenal dengan kekayaan dan sifat dermawan. 	HURAIAN
	<p>Malahan bagi menambah harta baitulmal, beliau sebenarnya telah menyerahkan urusan perdagangan milik peribadi yang besar kepada kaum keluarganya dan menjadikan rumahnya sebagai baitulmal sebelum kerajaan Islam menubuhkan bangunan baitulmal secara rasmi.</p>	CONTOH
	<p>Walaupun, berlaku pergolakan namun Baitulmal tetap menjadi satu institusi yang menjadi nadi untuk memajukan dan menjana pendapatan Negara</p>	PENEGASAN ISI



Isi 4	Seterusnya , perkembangan institusi Baitulmal zaman Khalifah Ali AbiTalib	FAKTA
	<ul style="list-style-type: none"> • Ali bin Abi Talib meneruskan sistem baitulmal sebagai perbendaharaan negara mengikut syariat Allah SWT. Beliau meneruskan kehidupannya yang sederhana dan dibayar gaji yang sama seperti yang diterima oleh khalifah Abu Bakar dan khalifah Umar. • Pada zaman pemerintahannya, berlaku pertukaran ketua baitulmal. Beliau telah melantik Abdullah bin Arqam bagi menggantikan Uqbah bin Amru yang mengetuai baitulmal sejak zaman Umar. Abdullah bin Arqam memang terkenal di kalangan sahabat sebagai seorang yang jujur dan tegas dalam menjalankan tugasnya. • Ketika peperangan, pengikutnya menggesa agar mengambil sebahagian daripada harta baitulmal untuk menguatkan tenteranya bagi menghadapi tentera Mu'awiyah, gabenor Damsyik. Namun beliau menolak dengan keras atas alasan harta berkenaan adalah amanah Allah SWT. 	HURAIAN
	Ali bin Abi Talib juga menunjukkan kejujurannya apabila enggan mematuhi permintaan saudaranya, iaitu Aqil bin Abi Talib supaya meminta sedikit sumber daripada baitulmal kerana kesederhanaan hidupnya.	CONTOH
	Walaupun berlaku kegawatan politik, jizyah tetap dilaksanakan	PENEGASAN ISI
<ul style="list-style-type: none"> • Penubuhan baitulmal pada zaman Khulafa al-Rasyidin dapat menjamin pembangunan ekorioni negara dan wilayah Islam serta membantu golongan yang kurang bernasib baik di samping memastikan harta yang dimiliki diurus sebaik mungkin berdasarkan syariat yang ditetapkan. Peranan dan pelaksanaan baitulmal oleh Khulafa al-Rasyidin menjadi asas kepada perkembangan ekonomi Islam pada zaman Umayyah dan Abbasiyah. 	KESIMPULAN	



Soalan 9 :

Bincangkan ciri-ciri pendidikan pada zaman Bani Umayyah.

Jawapan

<ol style="list-style-type: none"> 1. Pendidikan zaman Bani Umayyah merupakan kesinambungan yang berlaku pada zaman Khulafa al-Rasyidin, penekanan bukan sahaja ditumpukan kepada perkembangan ilmu keagamaan bahkan merangkumi ilmu bukan agama. Kemuncak kepada perkembangan pendidikan pada zaman ini jelas sewaktu pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz. 2. Pada zaman pemerintahan Bani Umayyah, terdapat pelbagai institusi pendidikan untuk membolehkan perkembangan pendidikan dilaksanakan, antaranya institusi pendidikan tersebut ialah masjid, istana, dan kuttab. 3. Faktor peningkatan kemajuan pendidikan pada zaman ini berpunca daripada perkembangan kerajaan Islam sendiri terutama dasar khalifah, perkembangan pelbagai ilmu (fardhu ain dan kifayah) dan perkembangan masyarakat itu sendiri. 	<p>PENDAHULUAN</p>	
<p>Isi 1</p>	<p>Institusi pendidikan zaman Bani Umayyah terbahagi kepada beberapa institusi berikut.</p> <p>Masjid merupakan institusi pendidikan utama yang bermula sejak permulaan Islam. Pemerintah Bani Umayyah telah mendirikan banyak masjid seperti Masjid Amawiyin (Umawi) di Damsyik, masjid di Kufah, Basrah, dan Fustat yang menjadi pusat pendidikan. Pada zaman pemerintahan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik (705-715 M.), beliau berusaha mengembangkan ilmu pengetahuan dan menghapuskan buta huruf dalam kalangan umat Islam dengan mendirikan masjid dan kuttab sebagai pusat pendidikan dan pusat ibadat di seluruh wilayah Islam. Khalifah al-Walid telah membina Masjid Umawi di Damsyik yang mengambil masa selama lapan tahun. Masjid ini telah dijadikan tempat ibadat dan tempat belajar kaum muslimin. Di dalam masjid ini terdapat <i>halaqah</i> atau kelompok-kelompok yang dipenuhi dengan pelajar-pelajar dari pelbagai negara dan mazhab.</p> <p>Menurut Ibn Jabir, terdapat pengajian dalam pelbagai mazhab seperti Mazhab Maliki yang banyak dikunjungi oleh pelajar-pelajar dari Maghribi dan halaqah Mazhab Syafi'e. Terdapat beberapa bilik yang dijadikan oleh pelajar-pelajar sebagai tempat menyalin pelajaran dan perbincangan bagi mengelak diri daripada kesesakan orang ramai.</p>	<p>FAKTA</p>



	<p>Istana khalifah turut dijadikan pusat kegiatan pendidikan. Istana khalifah yang menjadi pusat pembelajaran ialah di Damsyik, Syria. Istana khalifah yang menjadi pusat pembelajaran dan tempat penyimpanan bahan-bahan bacaan ini kemudiannya diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Khalifah Muawiyah bin Abi Sufyan sering mengundang para ulama dan cendekiawan ke istananya bagi membicarakan ilmu sejarah bangsa Arab, sejarah peperangan dan sejarah raja-raja Parsi, sistem pemerintahan, dan pentadbiran.</p> <p>Pendidikan di istana memberi tumpuan kepada putera-putera khalifah dan anak-anak pembesar. Mereka diajar oleh guru-guru yang berpengalaman yang dijemput khas ke istana. Putera-putera khalifah dan anak-anak pembesar diajar mata pelajaran sejarah, kesusasteraan, ilmu pidato, tata susila dan moral, cara-cara bergaul dengan masyarakat dan rakyat jelata. Kesemua mata pelajaran yang diajar ini adalah sebagai pengetahuan dan pengalaman serta persediaan untuk menghadapi kehidupan bermasyarakat serta menjadi pemimpin.</p> <p>Kuttab. Terdapat dua jenis kuttab, iaitu untuk orang awam yang dikenakan yuran pengajian dan <i>Kuttab al-Sabil</i> untuk kanak-kanak miskin dan tidak dikenakan bayaran yuran pengajian. Pembelajaran di kuttab berkisar asas-asas keagamaan seperti membaca al-Quran, fekah, sirah, asas ketuhanan dan turut memberikan penekanan tentang hafalan dan penulisan serta mengira. Tenaga pengajar di kuttab bergaji dan dari segi pengalaman dan pengetahuan kurang berbanding dengan tenaga pengajar di masjid dan istana. Pengajian di kuttab memfokuskan kepada pengajian al-Quran dan asas-asas ilmu agama bagi persediaan untuk melangkah ke peringkat yang lebih tinggi iaitu <i>halaqah</i> yang diadakan di masjid-masjid kerana pelajar-pelajar di peringkat kuttab telah memiliki asas-asas ilmu yang kukuh.</p>	HURAIAN
	<p>Khalifah Abdul Malik bin Marwan (65-86 H. / 685-705 M.) memberi garis panduan kepada guru yang akan mengajar puteranya sama ada dalam pendidikan rohani mahupun jasmani. Khalifah Hisyam bin Abdul Malik (105-125 H. / 724 -743 M) menyuruh Sulaiman al-Kalibi mengajar puteranya mata pelajaran al-Quran, fekah, syair dan sejarah</p>	CONTOH
	<p>Tegasnya, masjid, istana khalifah dan Kuttab merupakan intitusi yang menyediakan ruang untuk menimba ilmu pada masyarakat pada zaman kerajaan Bani Umayyah.</p>	PENUTUP ISI
<p>Isi 2</p>	<p>Ciri seterusnya di lihat dari tenaga pengajar.</p>	FAKTA



	<p>Taraf tenaga pengajar atau guru berbeza mengikut institusi tempat mereka menyampaikan ilmu, kebiasaannya guru yang mengajar di masjid dikatakan memiliki ilmu yang tinggi dan paling dihormati berbanding guru-guru yang berkhidmat di institusi-institusi yang lain. Guru-guru diberi gaji dan ada yang berkhidmat secara sukarela khususnya di masjid.. Guru-guru yang mengajar di istana dikenali sebagai <i>muaddih</i> yang mengajar kerabat diraja dan pembesar dalam ilmu sahsiah, sejarah, kesusasteraan, dan ilmu pidato.</p>	HURAIAN
	<p>Guru-guru di masjid terdiri dari golongan ulama, antara yang terkenal ialah Abdullah b. Abbas yang mengajar di Masjidil Haram di Makkah. Beliau terkenal dengan kepakaran dalam bidang ilmu tafsir, hadis dan fekah</p>	CONTOH
	<p>Khalifah Umar bin Abdul Aziz sendiri sebagai ulama memanfaatkan ilmu yang ada bukan sahaja untuk dirinya tetapi turut mengajar ilmu-ilmu agama kepada rakyat.</p>	PENUTUP ISI
Isi 3	<p>Selain itu, ciri-ciri pendidikan zaman Bani Umayyah dilihat dari aspek mata pelajaran</p>	FAKTA
	<p>Kurikulum yang diperkenalkan ialah ilmu fardhu ain dan ilmu fardu kifayah seperti bahasa, kesusasteraan, ilmu hisab, ilmu falak. Antara ilmu yang berkembang pada masa itu ialah ilmu Qiraat al-Quran, iaitu kaedah membaca al-Quran dengan tujuh jenis bacaan. Bagi membolehkan orang bukan Arab membaca al-Quran dengan betul, tanda-tanda bunyi seperti <i>fathah</i>, <i>dammah</i>, dan <i>kasrah</i> mula diperkenalkan. Bidang perubatan, muzik dan seni ukir juga turut berkembang pada masa itu.</p>	HURAIAN
	<p>Kegiatan penterjemahan mula dijalankan memandangkan kota Damsyik merupakan bekas kota jajahan Rom yang mempunyai banyak buku-buku dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Pelajaran dijalankan dalam bentuk syarahan dan halaqah.</p>	CONTOH
	<p>Tegasnya, dengan kurikulum mata pelajaran yang meliputi pelbagai bidang mampu melonjakkan pendidikan pada zaman kerajaan Bani Umayyah.</p>	PENUTUP ISI
Isi 4	<p>Seterusnya, sistem pengajian Halaqah.</p>	FAKTA
	<p>Pengajian halaqah diadakan di masjid, istana dan kuttab. Halaqah ialah satu sistem pengajian tradisional iaitu murid-murid berkumpul dalam bentuk bulatan mengelilingi guru dengan menadah kitab yang diajar. Jangka waktu pengajian tidak ditentukan tetapi semakin lama belajar, semakin tinggi ilmu seseorang itu.</p>	HURAIAN



	<p>Pada kebiasaannya, pengajian halaqah dilaksanakan di peringkat tinggi iaitu murid-muridnya sudah mempunyai asas-asas ilmu yang kukuh.</p>	
	<p>Halaqah boleh berlaku dalam dua situasi sama ada para pelajar mendengar apa yang disampaikan oleh guru dan satu lagi bentuk ialah berlakunya pembelajaran dua hala guru mengajar serta memberi peluang kepada para pelajar mengemukakan persoalan-persoalan yang menimbulkan keraguan bagi meningkatkan kefahaman.</p>	<p>CONTOH</p>
	<p>Pendidikan halaqah telah berkembang bukan sahaja berkembang dalam kerajaan Bani Umayyah, malah di negara-negara Islam yang lain termasuk Nusantara.</p>	<p>PENUTUP ISI</p>
	<p>Walaupun kerajaan Bani Umayyah telah ditumbangkan dalam Revolusi Abbasiyah, namun sistem pendidikan terus kekal dan dijadikan contoh untuk perkembangan seterusnya. Perkembangan sistem pendidikan harus dilihat sebagai satu kelangsungan dan kesinambungan daripada sistem yang lalu.</p>	<p>KESIMPULAN</p>



TEMA 3 :

NASIONALISME DAN PEMBENTUKAN NEGARA BANGSA

Tajuk-tajuk Fokus :

10. Bincangkan faktor perluasan kuasa barat terhadap kerajaan Uthmaniyah pada abad ke-18 hingga 20M.
11. Bincangkan kebangkitan masyarakat Algeria terhadap penjajahan Perancis pada abad ke-19 hingga abad ke-20.
12. Huraikan ciri-ciri seni bina Islam pada zaman kerajaan Moghul di India pada abad 16-17 M.
13. Huraikan pelaksanaan Tanzimat oleh Kerajaan Uthmaniyyah untuk mengembalikan zaman kegemilangannya.



TEMA 3 :

**NASIONALISME DAN PEMBENTUKAN
NEGARA BANGSA**

Soalan10:

Bincangkan faktor perluasan kuasa barat terhadap kerajaan Uthmaniyah pada abad ke-18 hingga 20M.

Jawapan :

	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kerajaan Uthmaniyah diasaskan oleh Uthman Erthurgul pada tahun 1289 merupakan empayar Islam terbesar yang memerintah lebih 600 tahun. 2. Akhir abad ke- 17M, kerajaan Uthmaniyah berhadapan dengan pelbagai masalah dan memasuki fasa kemerosotan pada abad ke-19. 3. Pada akhir abad ke-20 berlaku perluasan kuasa barat terhadap kerajaan Uthmaniyah bagi memenuhi kepentingan politik, ekonomi dan sosial mereka. 	PENDAHULUAN
Isi 1	Faktor yang pertama ialah faktor politik	FAKTA
	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar Imperialism : meluaskan empayar dankuasa hegemoni. • Persaingan kuasa-kuasa barat seperti British, Perancis, Rusia dan lain-lain – pakatan Eropah. • Dasar campur tangan ekoran pergolakan politik dalam wilayah Uthmaniyah – sebelumnya Dasar Persahabatan (Dasar Tidak Campurtangan) dan Dasar Perlindungan terhadap kepentingan perdagangan Barat. • Permasalahan Timur (The Eastern Question) • Polisi luar terpenting – dasar pecah dan perintah. Bangsa Islam Turki, Arab, Armenia, Kurd dan bangsa-bangsa Islam lain mula membina jenama kebangsaan mereka sendiri. • Dasar pembaharuan (Tanzimat) - Gerakan Reformasi Ala Barat. 	HURAIAN
	Peluasan kuasa Rusia terhadap kerajaan Uthmaniyah pada tahun 1877- 1878 yang menyebabkan kerajaan Uthmaniyah kehilangan wilayah Serbia, Montenegro dan Caucasus.	CONTOH
Dasar Imperialisme Barat, pergolakan politik dan kelemahan kesatuan ummah kerajaan Uthmaniyah telah membuka ruang kepada barat menguasai wilayah-wilayah di dalam empayar Uthmaniyah.	PENEGASAN ISI	



Isi 2	Seterusnya, faktor ekonomi.	FAKTA
	<ul style="list-style-type: none"> • Perkembangan revolusi di Eropah. • Kepentingan Terusan Suez. • Krisis kewangan dan ekonomi Mesir yang berpunca daripada usaha pembangunan Terusan Suez, Empangan Aswan dan industri gula yang giat dijalankan. • Monopoli bahan mentah dan pasaran. • Konflik hutang kerajaan Uthmaniyah. 	HURAIAN
	Penemuan minyak mentah khasnya di Iraq dan Iran menambahkan minat Barat untuk mendapatkan konsesi cari gali minyak.	CONTOH
	Tegasnya kepentingan ekonomi merupakan salah satu faktor penting gerakan peluasan kuasa-kuasa barat ke atas wilayah Islam Uthmaniyah.	PENEGASAN ISI
Isi 3	Selain itu, faktor sosial	FAKTA
	<ul style="list-style-type: none"> • Sentimen agama – kesan Perang Salib. • Gerakan kristianisasi – peranan pihak gereja di sebalik misi penjajahan kuasa barat. • Konsep modenisasi – menghalalkan campur tangan barat dalam hal ehwal politik dan sosial antarabangsa. • Dasar imperialisme – penjajahan minda – penerapan dasar-dasar sekular dalam bidang pendidikan dan komunikasi. 	HURAIAN
	Bukti kenyataan Cecil Rhodes, bapa imperialisme moden British mengatakan, 'kita adalah ras yang tertinggi di dunia, maka makin luas bumi yang kita duduki, makin baik untuk umat manusia'.	CONTOH
	Pihak barat berjaya menguasai pemikiran masyarakat Islam secara perlahan-lahan atas nama tamadun, kemajuan, modenisasi dan seumpamanya sehingga terpengaruh dengan cara hidup asing dan melupakan identiti sendiri.	PENEGASAN ISI
	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kerajaan Islam Uthmaniyah runtuh selepas penglibatan mereka dalam PD Pertama. 2. Impak kekalahan menyebabkan kuasa-kuasa barat membahagikan wilayah Uthmaniyah sesama mereka. 3. Kelemahan dan kemerosotan kerajaan Uthmaniyah membawa kepada penubuhan Negara bangsa Turki dan berakhirnya sistem pemerintahan khalifah Islamiah. 	KESIMPULAN



Soalan 11 :

Bincangkan kebangkitan masyarakat Algeria terhadap penjajahan Perancis pada abad ke-19 hingga abad ke-20.

Jawapan :

	<ol style="list-style-type: none"> 1 Pada abad ke 16 hingga abad ke 19 , Algeria merupakan sebahagian wilayah Turki Uthmaniyah yang berpusat di Istanbul. 2 Kekayaan sumber alam di Algeria terutama minyak dan gas telah menyebabkan kuasa-kuasa imperialis berusaha menguasai kawasan tersebut. 3 Penjajahan Perancis terhadap Algeria pada tahun 1830 telah membangkitkan penentangan rakyat atas faktor Perancis tidak membenarkan masyarakat muslim Algeria mengundi, aspek pendidikan diabaikan dan kadar buta huruf meningkat. 4 Perancis juga telah campur tangan dalam ekonomi, politik dan sosial yang telah menyebabkan penentangan masyarakat Algeria 	PENDAHULUAN
Isi 1	Penjajahan Perancis ke atas Algeria atas faktor politik, ekonomi dan sosial	FAKTA
	Perancis melaksanakan proses asimilasi budaya dan menjadikan bahasa Perancis sebagai bahasa rasmi dan Bahasa Arab di diharamkan penggunaannya	HURAIAN
	Polisi ini menghapuskan identitinasional dan warisan budaya Dasar pendidikan menyebabkan kadar pandai membaca, menulis dan mengira rakyat Algeria jatuh ke tahap paling rendah.	CONTOH
	Hal ini menyebabkan rakyat Algeria berasa tidak puas hati dan telah melahirkan pejuang nasionalis bagi menghidupkan semula bahasa sendiri, memperkasa identiti kebangsaan berdasarkan syariat Islam dan mendaulatkan Bahasa Arab	PENEGASAN ISI
Isi 2	Selain itu, gerakan penentangan oleh Ahmed Bey, kawasan pemimpin kawasan Constantine	FAKTA
	Ahmed Bey telah berjaya menguasai Constantine dan Perancis telah kehilangan seribu angkatan tenteranya. Walau bagaimanapun Perancis berjaya menyekat angkatan Uthmaniyah yang cuba membantu Ahmed Bey	HURAIAN



	Ahmed Bey telah melancarkan gerakan penentangan di timur Constantine	CONTOH
	Sehubungan dengan itu, Ahmed Bey enggan mengiktiraf kekuasaan Perancis di Constantine	PENEGASAN ISI
Isi 3	Begitu juga, gerakan Penentangan Syeikh Abdul Qader Al-Jazair, Gabenor Mascara 1830-an hingga 1840-an	FAKTA
	Syeikh Abdul Qader telah dilantik sebagai ketua mujahidin yang telah mengeluarkan fatwa kewajipan berjihad bagi mempertahankan Negara dan mengisytiharkan Algeria sebagai Negara Islam	HURAIAN
	Masyarakat Islam berhimpun di masjid Maskar (Mascara) bagi melancarkan jihad terhadap Perancis	CONTOH
	Kesan dari penentangan tersebut Syeikh Abdul Qader telah tewas, walau bagaimanapun ketokohan beliau sukar ditandingi kerana tiada pemimpin lain yang muncul selepas itu.	PENEGASAN ISI
Isi 4	Disamping itu, berlaku pemberontakan penduduk Kabylia	FAKTA
	Pemberontakan besar-besaran telah dilancarkan yang disertai oleh satu per tiga penduduk Algeria akibat daripada tindakan Perancis yang merampas tanah penduduk yang subur.	HURAIAN
	Umat Islam di Kabylia telah ditindas dari segi ekonomi dan diancam oleh peneroka Eropah	CONTOH
	Pemberontakan ini mengakibatkan penduduk tempatan jatuh miskin tetapi masyarakat Kabylia tidak berputus asa	PENEGASAN ISI
Isi 5	Akhirnya, Kebangkitan angkatan Persatuan Ulama Algeria	FAKTA
	Pada tahun 1935, Persatuan Ulama Algeria telah ditubuhkan di bawah pimpinan Syeikh Abdul Hamid Ben Badis yang bertujuan menyatukan umat Islam bagi menentang cengkaman Perancis.	HURAIAN
	Gerakan ini menyelar pegawai-pegawai pentadbiran agama Algeria yang menjadi agen penjajah Perancis	CONTOH
	Kesannya, banyak sekolah agama di seluruh Algeria dan sekolah-sekolah ini telah dijadikan markas bagi gerakan kesedaran rakyat.	PENEGASAN ISI



<ol style="list-style-type: none">1. Jihad yang berterusan menentang penjajahan Perancis telah berlaku seluruh Algeria sehingga mengorbankan lebih sejuta syuhada yang digelar sebagai “Negara Sejuta Syuhada”2. Gerakan demi gerakan yang dilakukan oleh rakyat Algeria telah mengakibatkan Perancis terpaksa akur dan memberikan kemerdekaan kepada Algeria pada 5 Julai 1962	<p>KESIMPULAN</p>
--	-------------------



Soalan 12 :

Huraikan ciri-ciri seni bina Islam pada zaman kerajaan Moghul di India pada abad 16-17 M.

Jawapan :

	<ol style="list-style-type: none"> 1. Seni bina bermaksud bidang seni untuk mendirikan bangunan, reka bentuk dan reka letak yang dibina oleh manusia. 2. Pemerintahan kerajaan Moghul di India berakhir pada tahun 1857 M apabila British bertindak membuang negeri pemerintahnya yang terakhir iaitu Bahadur Shah II. 3. Kerajaan Moghul terkenal dalam aspek kemajuan seni bina khususnya semasa pemerintahan Syah Jehan (1627 – 1658). 	PENDAHULUAN
Isi 1	Ciri-ciri seni bina Islam dalam pemerintahan Kerajaan Moghul yang pertama ialah mempunyai menara.	FAKTA
	Kebanyakan seni bina di India mempunyai menara. Menara-menara ini dihiasi indah terutamanya dengan seni khat Arab. Selain itu, menara juga dapat dikesan pada kubur/makam Diraja. Kebiasaannya Makam Diraja dilengkapi dengan menara yang didirikan secara khusus serta berdiri secara sendirian, iaitu terpisah daripada bangunan yang menjadi induknya.	HURAIAN
	Menara dapat dilihat pada binaan masjid iaitu Masjid Lapan Mutiara di Agra.	CONTOH
	Jelaslah, keunikan senibina menara dapat memperlihatkan kehalusan seni bina Islam.	PENEGASAN ISI
Isi 2	Ciri berikutnya pada seni bina zaman Moghul ialah binaan yang mempunyai kubah.	FAKTA
	Binaan ini menggambarkan gabungan bentuk kubah gaya parsi dengan gaya tempatan. Binaan Makam Diraja dan Kubu (Kota Merah) juga turut mempunyai Kubah. Ini jelas membuktikan bahawa kubah merupakan satu ciri binaan di India. Kubah dan Mihrab pada Makam Diraja menghadap kiblat serta dilengkapi dengan ukiran ayat-ayat al-Quran	HURAIAN
	Contohnya, kubah bentuk baharu berupa bunga teratai yang mempunyai puncak yang meruncing dapat dikesan pada binaan Taj Mahal.	CONTOH
	Tegasnya, pembinaan kubah Mengukuhkan lagi struktur binaan disamping menampakkan keunikan dan kehalusan senibina Islam	PENEGASAN ISI



Isi 3	Di samping itu, ukiran kaligrafi ayat-ayat al-Quran merupakan satu motif Islam yang diketengahkan dalam seni bina India	FAKTA
	Ukiran-ukiran kaligrafi ini dapat dilihat pada binaan Istana Taj Mahal. Juru khat bernama Amanat Khan telah dibawa dari Parsi dan dipertanggungjawabkan untuk mengukirnya. Sekiranya tiada ukiran ayat-ayat suci al-Quran, biasanya ukiran-ukiran lain yang digunakan adalah berasaskan alam semulajadi seperti unsur tumbuh-tumbuhan dan bunga-bunga serta geometri	HURAIAN
	Makam Humayun juga mempunyai kaligrafi ayat-ayat al-Quran seperti yang terdapat pada Mihrabnya	CONTOH
	Keunikan ukiran kaligrafi ayat-ayat al- Quran memberi kelaian dalam motif seni bina Islam.	PENEGASAN ISI
Isi 4	Unsur air juga turut memainkan peranan penting dalam mencirikan sesuatu binaan di India	FAKTA
	.Unsur air dapat dilihat pada binaan Taj Mahal. Taj Mahal dibina di tebing kiri sungai Jumna kerana keadaan geografinya yang mempesona dan penuh keindahan. Terdapat banyak aliran air terjun yang dibina merentasi setiap struktur bangunan. Tempat tinggal peribadi maharaja (Nahr-i- Behish) terdiri daripada beberapa pavilion yang dihubungi oleh air yang sentiasa mengalir atau dikenali sebagai “Syurga Anak Sungai”. Air ini dialiri dari sungai Jumna (Yamuna) dari menara Shahi Burj.	HURAIAN
	Contohnya terdapat dalam Kota Merah. Setiap binaan dibina dengan begitu teliti dan indah	CONTOH
	Jelaslah unsur air dapat mewujudkan keindahan dalam seni bina Islam.	PENEGASAN ISI
Isi 5	Selain itu , setiap bangunan atau binaan di India mempunyai tembok.	FAKTA
	Pembinaan tembok ini jelas dilihat pada binaan istana. Istana Taj Mahal mempunyai tembok yang dihiasi dengan takukan-takukan dan istana yang terletak di Fathipur Sikri juga mempunyai tembok batu yang mempunyai ruang tempat bersemayam pemerintah yang juga merupakan ruang rasmi pemerintah. Selain itu, Makam Humayun juga dikelilingi tembok-tembok yang tersergam kukuh.	HURAIAN



	Kubu (Kota Merah) yang merupakan pusat pentadbiran Delhi. Kubu ini mempunyai ciri-ciri keselamatan kerana ia berfungsi sebagai tembok pertahanan terpenting penduduk kota Delhi daripada serangan musuh sejak zaman berzaman	CONTOH
	Pembinaan tembok pada istana menonjolkan lagi kemewahan dan kedudukan seseorang pemerintah	PENEGASAN ISI
Isi 6	Akhirnya, bahan binaan yang digunakan jelas memperlihatkan gabungan ciri gabungan Parsi dan India	FAKTA
	Bahan binaannya adalah sangat berkualiti. Struktur Makan Humayun dibina daripada struktur batuan merah, bata putih dan marmar hitam dan putih. Penggunaan bahan-bahan ini bertujuan untuk mengurangkan bahang.	HURAIAN
	Taj Mahal juga dibina daripada marmar biru dan putih, manakala kubu yang terkenal dengan nama Kota Merah pula dibina menggunakan batu bata merah pada struktur binaan khususnya pada bahagian dinding. Selain itu, kubu ini juga menggunakan batu marmar dengan dihiasi corak-corak flora.	CONTOH
	Bahan binaan yang berkualiti ini dapat mengukuhkan lagi struktur binaan disamping menampak keindahan dan kehalusan senibina Islam.	PENEGASAN ISI
Sememangnya kerajaan Moghul memberikan sumbangan besar dalam bidang kebudayaan dan kesenian khususnya seni bina. Seni bina yang terdapat pada zaman Kesultanan Moghul di India adalah gabungan nilai-nilai kesenian tempatan, Arab, Turki dan Parsi. Kewujudan seni bina yang indah pada zaman Kesultanan Moghul membuktikan bahawa agama Islam tidak menolak bidang kesenian selagi tidak disalahgunakan.		KESIMPULAN



Soalan 13 :

Huraikan pelaksanaan Tanzimat oleh Kerajaan Uthmaniyyah untuk mengembalikan zaman kegemilangannya.

Jawapan :

<p>Konsep Tanzimat :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Berasal daripada perkataan Arab - Tanzim 2. Bermaksud – mengatur, menyusun dan membaiki 3. Dari segi sejarah : bermaksud gerakan pembaharuan atau reformasi dalam kerajaan Turki Uthmaniyyah antara tahun 1839-1876. 4. Tanzimat bertujuan menyelamatkan kerajaan daripada kelemahan sistem pemerintahan dan pentadbiran, serta memberi fokus kepada rakyat beragama Kristian (supaya golongan ini tidak mendapat naungan daripada kuasa luar – kuasa Barat tidak puas hati dengan hukuman mati yang dikenakan kepada warganegara Uthmaniyyah yang murtad setelah memeluk Islam) 5. Gerakan pembaharuan yang dilakukan oleh Khalifah Uthmaniyyah tahun 1893 – 1856 M 6. Gerakan dimulakan oleh Sultan Abdul al Majid selepas tamat Perang Crimea (<i>anak kepada Sultan Mahmud II yang mempelopori gerakan pembaharuan</i>). 7. Tanzimat dijalankan pada masa ini disebabkan tekanan luar berlaku secara berterusan khususnya British 8. Gerakan pembaharuan diteruskan sehingga awal abad ke 20 oleh Sultan Abdul Hamid II 	<p>PENDAHULUAN</p>	
<p>Isi 1</p>	<p>Tujuan Pelaksanaan Tanzimat</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Membaiki sistem pemerintahan dan pentadbiran. 2. Kerajaan membaiki sistem pemerintahan dan pentadbiran dengan mematuhi syariat dan undang-undang Negara : pemerintahan tidak memerintah dengan sewenang-wenangnya. 3. Sistem yang teratur juga diwujudkan 4. Membaiki fokus kepada masyarakat Kristian - diberi keistimewaan aspek beragama, memegang jawatan di sektor kerajaan <ul style="list-style-type: none"> • Masyarakat Kristian diberi kebebasan dalam aspek beragama / tiada paksaan dalam beragama dan mengamalkan kebudayaan masing-masing. • Orang Kristian juga boleh memohon jawatan di sektor awam. 	<p>FAKTA</p> <p>HURAIAN</p>



	<ul style="list-style-type: none"> • Ini untuk mengelakkan warga beragama Kristian ini mencari naungan, sokongan dan perlindungan daripada kuasa-kuasa Eropah seperti Rusia, Britain dan Perancis. • Mengelakkan campurtangan Negara-negara Eropah. • Kuasa-kuasa Barat ini sentiasa mengintai peluang dan cuba menghasut masyarakat Kristian yang merupakan masyarakat minoriti dalam Kerajaan Uthmaniyyah untuk memberontak. 	
	<p>Oleh itu, pihak pemerintah Kerajaan Uthmaniyyah cuba untuk membaiki kelemahan-kelemahan yang akan menutup ruang kepada kuasa-kuasa luar untuk campurtangan dalam kerajaan dan seterusnya mengugat keamanan dan kestabilan Negara.</p>	PENEGASAN ISI
Isi 2	<p>Seterusnya, tindakan Sultan Mahmud II</p>	FAKTA
	<ul style="list-style-type: none"> • Memodenkan bidang ketenteraan / mempertingkatkan sekolah ketenteraan • Memodenkan ketenteraan dan menghapuskan tentera janisari • Pasukan <i>nizam-i cadid</i> ditubuhkan • Sekolah tentera memberi latihan ketenteraan kepada pegawai-pegawai mengikut sistem ketenteraan Eropah • Pembaharuan bidang pentadbiran dan perundangan • <i>Shaykh al Islam</i> diwujudkan sebagai pemegang kuasa yang terdiri daripada undang-undang syariah dan sekular • Pembaharuan bidang pendidikan : melakukan reformasi pendidikan - Pembinaan madrasah, sekolah ketenteraan, teknik dan perubatan. 	HURAIAN DAN CONTOH
	<p>Jika diteliti, Sultan Mahmud II menyedari kelemahan bidang ketenteraan, pentadbiran dan pendidikan Negara. Oleh itu tindakan-tindakan di atas telah diambil oleh baginda.</p>	PENEGASAN ISI
Isi 3	<p>Melancarkan Piagam <i>Hatt-i Sharif Gulhane</i> pada tahun 1839M.</p>	FAKTA
	<ul style="list-style-type: none"> • Piagam ini menjelaskan perlunya kepada sebuah peraturan yang lengkap. Pada permulaan kerajaan Uthmaniyyah, syariat dan undang-undang negara dipatuhi – kesannya kerajaan Uthmaniyyah mencapai zaman kegemilangannya. • Bila kerajaan / pemimpin tidak mematuhi syariat dan undang-undang negara hancur. 	HURAIAN DAN CONTOH



	<p>Kandungan Pertama : Jaminan keselamatan nyawa, kehormatan dan harta benda.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Seseorang yang dituduhkan diadili mengikut syariat Islam dan hukuman tidak akan dijatuhkan kecuali selepas perbicaraan dan pemeriksaan. • Perlanggaran terhadap kehormatan seseorang juga tidak dibolehkan. • Hak milik terhadap harta dijamin dan tiap-tiap orang mempunyai kebebasan terhadap harta yang dimilikinya. • Hak memiliki harta oleh keluarga penjenayah tidak terhapus. • Harta penjenayah tidak dihapus • Jaminan untuk semua rakyat Uthmaniyyah tanpa mengira agama dan mazhab. <p>Kandungan Kedua :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menubuhkan sistem pungutan dan agihancukai yang tetap dan adil. • Cukai pertani dan kerahantena gaserta percukaian yang sewenang-wenangnya akan diberhentikan. • Hasil cukai digunakan untuk melengkapkan keperluan ketenteraan dan keperluan belanjawan lain untuk kepentingan rakyat dan negara. • Sebelum ini, pungutan sebelum ini secara monopoli dihapuskan. • Kutipan berdasarkan harta yang dimiliki oleh seseorang <p>Kandungan Ketiga :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan satu sistem yang teratur dalam pemilihan tentera bagi menjamin keadilan khasnya dalam sistem kerahan, latihan dan sebagainya. • Sistem pemilihan secara paksaan yang tidak mampu memenuhi keperluan. Oleh itu, perlindungan tidak dapat diberikan secara maksimum apabila berlakurusakan menyebabkan kerosakan dalam tanaman, perdagangan dan sebagainya. • Oleh itu, pemilihan tentera mengikut pusingan iaitu mengikut pusingan penggal antara 4-5 tahun. 	
	<p>Kerajaan menyedari kepentingan melancarkan Piagam <i>Hatt-I Sharif Gulhane</i>. Contohnya, sejak 150 tahun pelbagai penyelewengan dan musibah melanda Kerajaan Uthmaniyyah. Bila Negara ditadbir dengan adil, mementingkan kebajikan rakyat, Negara akan mencapai satu tahap kegemilangan, aman dan damai seperti zaman kegemilangan Kerajaan Turki Uthmaniyyah.</p>	<p>CONTOH DAN PENEGASAN ISI</p>



Isi 4	Melancarkan <i>Piagam Hatt-i Humayyun</i> pada 1 Februari 1856	FAKTA
	<p>Kandungan Pertama :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahawa semua jaminan yang ditentukan oleh Hatt-i Sherif Gulhane yang bersesuaian dengan dasar Tanzimat adalah disahkan dalam Hatt-i Humayyun • Keistimewaan yang diberikan kepada masyarakat Kristian dan lain-lain disahkan. • Sekiranya terdapat diskriminasi disebabkan faktor agama, bangsa dan bahasa, ia akan dihapuskan. <p>Kandungan Kedua :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Masyarakat Kristian dan bukan Islam lainnya dibenarkan untuk menganut mana-mana agama dengan bebas dan tidak ada paksaan dalam beragama. • Semua rakyat tanpa mengira bangsa dan agama layak memohon dan menyandang jawatan awam, memasuki sekolah awam atau tentera • Mereka boleh mendirikan sekolah-sekolah persendirian • Konflik jika ada – antara rakyat yang berlainan agama akan diselesaikan oleh mahkamah campuran. Prosedur mahkamah dibuka kepada masyarakat umum <p>Kandungan Ketiga :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembaharuan aspek polisi kewangan • Pembukaan bank-bank, menubuhkan dana dan mengadakan kemudahan infrastruktur • Untuk mencapai tujuan ini – mendapatkan bantuan modal daripada Negara Eropah. <p>Reformasi Perundangan :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lahir Undang-undang baru seperti Kanun Keseksaan, Kanun Perniagaan dan Perdagangan Laut. • Mahkamah baru juga diwujudkan : Mahkamah Perdagangan, Mahkamah Campuran, Mahkamah Sivil dan Jenayah 	HURAIAN DAN CONTOH
	Pembaharuancara Barat dilaksanakan cara meluas dalam semua aspek pentadbiran, pendidikan, ekonomi dan sebagainya. Jika dilihat pendekatan aspek kebebasan agama ini mempunyai persamaan dalam pelaksanaan Piagam Madinah semasa pentadbiran Nabi Muhammad SAW semasa di Madinah.	PENEGASAN ISI



Tanzimat dilaksanakan untuk memastikan kelangsungan kerajaan Uthmaniyyah. Namun, pelaksanaan Tanzimat tidak berjaya menghalang ancaman kuasa-kuasa Barat. Ini disebabkan pembaharuan yang berlaku tidak berjaya memupuk nilai-nilai Islam malah sebaliknya nilai-nilai sekularisme didukung. Situasi ini akhirnya menyaksikan penguasaan pihak pro Barat dan pendukung nilai-nilai sekularisme dalam kerajaan Uthmaniyyah.

KESIMPULAN

MODUL TAMAT